

## SIARAN MEDIA

*Untuk Siaran Serta Merta*

### **PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN, PERKHIDMATAN DAN SEKTOR UTAMA BERNILAI RM53.9 BILION PADA SUKU PERTAMA 2019**

***Pelaburan Asing dalam Sektor Perkilangan Meningkat 127.0%***

Kuala Lumpur, 10 Jun 2019 – Di sebalik risiko dan ketidakpastian yang mencabar ekonomi global sekitar rundingan perdagangan Amerika Syarikat - China, pelabur tetap yakin dengan Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Negara berjaya menarik sejumlah RM53.9 bilion pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama bagi suku pertama 2019 (Q1 2019), yang meningkat 3.1% daripada tempoh yang sama tahun lepas (RM52.3 bilion). Pertumbuhan pelaburan positif Q1 2019 didorong oleh prestasi teguh sektor perkilangan yang melonjak sebanyak 126.8% berbanding suku pertama 2018 (Q1 2018).

Pelaburan asing meningkat sebanyak 73.4%, iaitu RM29.3 bilion daripada RM16.9 bilion pada Q1 2018. Pelaburan domestik yang diluluskan pada Q1 2019 berjumlah RM24.6 bilion. Ini telah menyumbang sebanyak 45.6% kepada jumlah keseluruhan. Pelaburan yang diluluskan pada Januari hingga Mac 2019 adalah daripada 1,678 projek, dan dijangka mewujudkan lebih daripada 41,200 peluang pekerjaan untuk negara. Sektor perkilangan menyumbang sebahagian besar daripada potensi pekerjaan dalam ekonomi dengan 22,970 peluang pekerjaan atau 55.7%, diikuti oleh sektor perkhidmatan dengan 18,000 peluang pekerjaan (43.7%) dan sektor utama dengan 240 peluang pekerjaan (0.6%).

#### **Sektor Perkhidmatan**

Pada Q1 2019, sektor perkhidmatan menarik sebahagian besar pelaburan diluluskan ke dalam ekonomi dan memperoleh 1,445 projek yang diluluskan dengan pelaburan bernilai RM26.1 bilion. Sebahagian besar pelaburan ini adalah daripada sumber domestik, yang menyumbangkan RM18.0 bilion atau 69% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan manakala sumber asing menyumbang RM8.1 bilion atau 31%.

Lima subsektor utama yang mengetuai sektor perkhidmatan dengan jumlah pelaburan tertinggi adalah harta tanah (RM11.0 bilion atau 42.3%), diikuti oleh perdagangan

pengedaran (RM8.2 bilion atau 31.6%), utiliti (RM4.0 bilion atau 15.4%), hotel dan pelancongan (RM1.8 bilion atau 7.0%) dan perkhidmatan sokongan (RM550.9 juta atau 2.1%).

Sebahagian besar peluang pekerjaan di sektor perkhidmatan atau 95.8% terdapat di subsektor-subsektor perdagangan pengedaran, hotel dan pelancongan, dan pendidikan. Dalam subsektor perdagangan pengedaran sahaja, peluang pekerjaan yang diwujudkan pada Q1 2019 berjumlah lebih 14,000, menjadikannya majikan terbesar dalam sektor perkhidmatan. Peluang pekerjaan juga terdapat di perusahaan besar dan kecil, iaitu sebanyak 59.3% peluang pekerjaan wujud dalam sektor perdagangan borong dan runcit.

Pembangunan industri perhotelan, yang berkembang di seluruh negara akan memberi peluang kepada para belia untuk mempelajari kemahiran bekerja di kedua-dua hotel bertaraf 5 bintang dan 4 bintang. Projek-projek yang diluluskan di subsektor hotel dan pelancongan dijangka dapat menghasilkan kira-kira 2,300 pekerjaan baru, dari kedudukan pengurusan ke operasi barisan hadapan.

Permintaan juga terdapat dalam sektor pendidikan swasta, di mana institusi pendidikan swasta yang baru ditubuhkan bakal mengambil lebih daripada 800 pekerja. Ini termasuk pekerjaan untuk pengajaran/kakitangan tuisyen di peringkat tertiarai.

### **Sektor Perkilangan**

Sektor perkilangan di Malaysia mengekalkan daya tahan dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM25.4 bilion pada Q1 2019, 126.8% lebih daripada RM11.2 bilion yang dicatatkan pada Q1 2018. Trend ke arah lebih banyak projek berintensif modal, bernilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi ditunjukkan dalam modal pelaburan bagi setiap pekerja (CIPE). Nisbah CIPE bagi projek perkilangan yang diluluskan pada Q1 2019 ialah RM1,105,582 berbanding RM805,531 pada Q1 2018. Sebanyak enam projek perkilangan dengan pelaburan sekurang-kurangnya RM1 bilion, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM16.5 bilion telah diluluskan pada Q1 2019. Sektor perkilangan juga menampilkan 20 projek yang diluluskan dengan pelaburan sekurang-kurangnya RM100 juta atau lebih. Pelaburan daripada 26 projek ini mencapai RM22.3 bilion atau 87.8% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan.

Projek-projek perkilangan yang diluluskan pada Q1 2019 dijangka mewujudkan peluang pekerjaan untuk 22,970 orang. Daripada jumlah ini, 1,590 jurutera elektrik dan elektronik, 710 jurutera mekanikal dan 180 jurutera kimia diwujudkan. Di samping itu, 1,710 orang adalah dalam kategori pekerja mahir seperti penyelia penyelenggaraan

kiland, pembuat peralatan (*tools and dies*), jurumesin, penyelia teknologi maklumat, pengawal kualiti, juruelektrik dan pengimpal.

Dari Januari hingga Mac 2019, pelaburan asing dalam projek perkilangan diluluskan meningkat sebanyak 127.0% kepada RM20.2 bilion daripada RM8.9 bilion pada tempoh yang sama tahun lepas. Peningkatan ini mencerminkan daya saing berterusan negara sebagai lokasi pilihan untuk pelaburan. Projek-projek yang diluluskan ini dijangka menghasilkan kesan pengganda yang tinggi, termasuk pertumbuhan syarikat domestik atau industri sokongan kejuruteraan, pembangunan kluster, penyumberan tempatan, pengukuhan aktiviti R&D dan pembangunan modal insan. Amerika Syarikat (RM11.5 bilion), China (RM4.4 bilion), Singapura (RM2.2 bilion), Jepun (0.6 bilion), dan British Virgin Islands (RM0.5 bilion) merupakan penyumbang terbesar kepada sektor perkilangan di Malaysia untuk Q1 2019. Lima negara ini menyumbang 95.0% daripada jumlah pelaburan asing dalam sektor perkilangan.

Dua pelaburan utama dari Amerika Syarikat adalah projek-projek dari Micron Technology dan Jabil Circuit. Syarikat-syarikat ini akan memperluaskan operasi perkilangan mereka di Pulau Pinang. Pelaburan utama dari China termasuk satu projek daripada XSD International Paper, yang diunjurkan bakal memacu pembangunan subsektor pembuatan kertas di rantau ini dengan pelaburan sebanyak RM2.3 bilion. Syarikat itu merancang bekerjasama dengan universiti teknikal tempatan untuk meningkatkan kemahiran pembuatan kertas di Malaysia.

Subsektor-subsektor pemangkin dan pertumbuhan berpotensi tinggi sasaran iaitu elektrik dan elektronik (E&E), bahan kimia dan produk kimia, jentera dan peralatan, peralatan perubatan dan aeroangkasa seperti yang dikenal pasti di bawah Rancangan Malaysia ke-11 menyumbang 66.14% (RM16.8 bilion) kepada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan. Industri E&E menyumbang 92.8% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor-sektor 3+2 tersebut untuk tempoh tiga bulan pertama tahun 2019. Apabila dilaksanakan, projek-projek ini akan terus memacu pembangunan dan pertumbuhan sektor perkilangan keseluruhan di Malaysia.

Sejumlah 150 (70%) projek perkilangan yang diluluskan akan ditempatkan di Selangor (75), Pulau Pinang (41) dan Johor (34). Dari segi nilai pelaburan, Pulau Pinang (RM8.8 bilion) merekod jumlah pelaburan yang tertinggi, diikuti oleh Kedah (RM7.6 bilion) dan Johor (RM2.4 bilion).

## **Sektor Utama**

Sektor utama menyumbang RM2.4 bilion atau 4.5% kepada jumlah pelaburan yang diluluskan pada suku pertama 2019. Sebahagian besar pelaburan disumbangkan oleh sumber dalam negeri (RM1.4 bilion atau 58.3%), sementara pelaburan asing berjumlah RM1.0 bilion atau 41.7%.

Subsektor perlombongan, yang dikuasai oleh aktiviti penerokaan minyak dan gas, mengetuai pelaburan yang diluluskan sebanyak RM2.2 bilion atau 91.7%, diikuti oleh perladangan dan komoditi dengan RM140.0 juta dan subsektor pertanian dengan RM43.5 juta.

## **Kesimpulan**

Berikutan jumlah pelaburan yang menggalakkan pada Q1 2019, MITI dan agensinya terutamanya MIDA, akan terus memainkan peranan yang penting dalam menarik lebih banyak pelaburan berkualiti serta memudahkan pelaksanaan projek yang diluluskan. Sehingga kini, MIDA mempunyai 471 projek dalam pertimbangan dengan pelaburan bernilai RM30.4 bilion untuk sektor perkilangan dan perkhidmatan.

\*\*\*\*\*

## **MENGENAI MIDA**

MIDA adalah agensi utama kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk mengawasi dan memacu pelaburan ke sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. Bermula pada tahun 1967 dengan penubuhan 37 kakitangan yang agak kecil, MIDA telah berkembang menjadi organisasi yang kuat dan dinamik kepada lebih daripada 700 pekerja. Beribu pejabat di Kuala Lumpur Sentral, MIDA hari ini mempunyai 12 pejabat serantau dan 20 pejabat luar negara. MIDA terus menjadi rakan kongsi strategik kepada perniagaan dalam merebut peluang-peluang yang wujud daripada revolusi teknologi era ini. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.mida.gov.my](http://www.mida.gov.my) dan ikuti MIDA di Twitter, Instagram dan Facebook, @OfficialMIDA.